

■ Lima taman perumahan dinaiki air lepas hujan lebat lebih enam jam

Oleh Nordiana Shafiee
am@hmetro.com.my
Alor Setar

Hujan lebat lebih enam jam yang melanda beberapa kawasan di bandar raya ini menyebabkan 500 rumah membabitkan lima kawasan kediaman dinaiki air sedalam 0.3 meter sejak tengah malam semalam.

Antara kawasan dinaiki air ialah Perumahan Awam Kuala Kedah, Taman Sri Putra, Taman Desarina, Kampung Sungai Batang, Persiaran Sultan Abdul Hamid dan Kampung Peremba.

Difahamkan, banjir kilat itu kali kedua berlaku dalam tempoh kurang dua bulan disebabkan laluan air Sungai Tok Pasai tidak mampu lagi menampung takungan air yang banyak berikutan hujan lebat sejak jam 2 pagi.

Malah, kejadian banjir kilat itu hanya disedari penduduk antara jam 3 dan 4 pagi apabila air mulai memasuki rumah mereka.

Seorang penduduk, Hamidah Osman, 51, berkata, dia terjaga daripada tidur jam 2.30 pagi selepas menyedari tilam basah akibat hujan lebat.

Menurutnya, dia sekeluarga segera mengambil langkah berjaga-jaga termasuk memindahkan barangan ke tempat lebih tinggi.

Katanya, kebiasaannya apabila hujan lebat, air hanya melimpah di bahagian dapur saja, tetapi kali ini ia

Banjir awal pagi



PENDUDUK perumahan awam Kuala Kedah membersihkan rumah mereka.



ADRUS Hassan membersihkan rumahnya yang dinaiki air.

FAKTA
Kejadian kedua dalam tempoh kurang dua bulan

lebih teruk sehingga rumah yang diduduki lebih 10 tahun lalu dibancah air.

"Belum hilang penat mencuci ru-

mah akibat banjir kilat yang melanda Jun lalu, kini sekali lagi saya sekeluarga terpaksa mencuci semua rumah yang dinaiki

air.

"Masalah banjir kilat ini perlu diatasi segera," katanya.

Hamidah berharap Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dapat mengatur kerja pembersihan longkang secara menyeluruh bagi mengelak longkang tersumbat dan tidak dapat mengalirkan air hujan.

Peniaga, Md Judin Abd Rahman, 67, berkata, berikutan banjir kilat itu, dia menutup kedai runcitnya lebih awal kerana air memasuki kedainya.

Menurutnya, dia bernasib baik kerana barangan dalam kedai runcit itu tidak rosak.

"Saya datang ke kedai seawal jam 7 pagi dan mendapati air sudah masuk hingga ke dalam kedai, justeru saya mengambil keputusan menutup kedai pada jam 10 pagi berbanding kebiasaan pada jam 4 petang kerana kerja pembersihan perlu dibuat segera.

"Selain kedai runcit, rumah saya turut dinaiki air yang disedari pada jam 4 pagi. Kejadian banjir kilat ini dilihat lebih teruk kerana air naik hingga paras 0.3 meter dan memenuhi keseluruhan ruang rumah," katanya.

Md Judin berkata, dia berharap pihak berkuasa turun padang memantau masalah itu.

"Masalah ini berpunca daripada pembinaan laluan air Alor Tok Pasai yang tergendala menyebabkan air tidak dapat mengalir terus ke laut apabila hujan lebat.

"Kerja mendalam dan meluaskan laluan di kawasan itu perlu segera dijalankan pihak terbabit bagi mencegah banjir berulang," katanya.